

ANTAMAC SUSPENSION

Magnesium Trisilicate/Aluminium Hydroxide/Simethicone (500mg/250mg/25mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Antamac
2. Bagaimana Antamac berfungsi
3. Sebelum menggunakan Antamac
4. Cara menggunakan Antamac
5. Semasa menggunakan Antamac
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Antamac
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Antamac

Antamac digunakan untuk melegakan gejala symptomatic seperti ketidakhadaman asid, dyspepsia, pedih ulu hati dan simptom gastrik.

Bagaimana Antamac berfungsi

Aluminium dan *magnesium hydroxide*, iaitu antasid, meneutralkan jumlah asid perut yang sedia ada, sekali gus memberikan kelegaan daripada simptom akibat lebihan asid. *Simethicone*, iaitu agen antifatulen, memberikan kelegaan dengan membantu mengeluarkan angin melalui sendawa.

Sebelum menggunakan Antamac

-Bila tidak boleh menggunakan

- Alergi (hipersensitif) terhadap bahan-bahan dalam produk ini.
- Jika mempunyai buah pinggang yang terjejas.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan penyusuan. Beritahu doktor sebelum mengambil ubat ini sekiranya anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini, termasuk menggunakan sebarang ubat lain, dibeli tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat dan Antamac mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

- Ia mungkin mengganggu penyerapan of *Tetracycline* (antibiotik), *Anticholinergics* (ubat yang menghalang tindakan *acetylcholine*), *Barbiturates* (untuk meawat sawan), *Digoxin* (untuk merawat masalah jantung), *Warfarin* (untuk merawat pembekuan darah) dan vitamin apabila diambil serentak.
- Jarak masa 3 jam diperlukan untuk mengelakkan gangguan ini.

Cara menggunakan Antamac

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Dos biasa

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun keatas:

5-10ml 4 kali sehari, selepas atau diantara waktu makan dan waktu tidur atau seperti diarahkan oleh doktor.

Kanak-kanak 12 tahun kebawah:

2.5ml-5ml 4 kali sehari, selepas atau diantara waktu makan dan waktu tidur atau seperti diarahkan oleh doktor.

Bila perlu digunakan

Ambil 4 kali sehari, selepas atau diantara waktu makan dan waktu tidur. Guna seperti diarahkan oleh doktor.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Antamac seperti yang disarankan oleh doktor. Jika simptom berterusan, sila berjumpa doktor anda.

Jika anda terlupa menggunakan

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi untuk bertanya tentang apa perlu dilakukan sekiranya anda terlupa memakan ubat ini.

Gunakannya sebaik sahaja anda teringat. Jika hampir tiba masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu itu untuk mengambil ubat dan lakukan

dos yang terlepas. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)

Hubungi doktor dengan kadar segera atau pergi ke hospital berdekatan, jika anda atau orang lain yang mengambil ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun tidak menunjukkan tanda kurang selesa atau keracunan. Anda perlukan perhatian segera.

Gunakan terlalu banyak Antamac boleh menyebabkan,

- Hypermagnesemia (paras magnesium tinggi dalam darah).

Semasa menggunakan Antamac

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor anda, doktor gig dan ahli farmasi sekiranya anda mengambil ubat ini.
- Beritahu doktor anda secepat yang mungkin sekiranya anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- Jangan ambil lebih dos daripada yang disarankan oleh ahli farmasi atau doktor.
- Jangan ambil sebarang ubat lain tanpa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi.
- Jangan berikan Antamac kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati Ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini mempengaruhi anda.
- Jangan mengambil minuman atau makanan beralkohol ketika mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Antamac boleh menyebabkan kesan sampingan,

ANTAMAC SUSPENSION

Magnesium Trisilicate/Aluminium Hydroxide/Simethicone (500mg/250mg/25mg per 5ml)

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Sekiranya mengalami kesan sampingan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda segera jika anda rasa anda sedang mengalami sebarang kesan-kesan sampingan ini semasa mengambil ubat kumur ini:

- Sembelit /cirit-birit
- Loya
- Muntah-muntah
- Sakit perut
- Dahaga yang berlebihan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Antamac

-Penyimpanan

Tutup penutup dengan rapat. Simpan di bawah 30 ° C. Lindungi daripada cahaya matahari. Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Larutan putih dengan rasa pudina.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mempunyai
Magnesium Trisilicate (500mg),
Aluminium Hydroxide (250mg) dan
Simethicone (25mg).

- Bahan-bahan tidak aktif

Peppermint Oil, Sodium Methul
Paraben, Sodium Propyl Paraben,
Cetylpyridinium Chloride, Xanthan

gum, Disodium EDTA, Hydrogenated castor oil/Kolliphor RH 40, Sorbitol 70% solution, Sucralose, Citric Acid Anhydrous, Hydrogen Peroxide 35%, dan Purified water.

-Nombor MAL

MAL19962478X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park
Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900
Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

25/11/2025